

DERMOPLEX ANTIFUNGAL CREAM

Tolnaftate (1% (w/w))

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dermoplex Antifungal Cream
2. Bagaimana Dermoplex Antifungal Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dermoplex Antifungal Cream
4. Cara menggunakan Dermoplex Antifungal Cream
5. Semasa menggunakan Dermoplex Antifungal Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Antifungal Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Dermoplex Antifungal Cream

Merawat jangkitan kulat (fungi) seperti kaki atlet, jangkitan tinea versicolor (bintik-bintik putih) pada kulit terutamanya kawasan tidak berbulu pada badan termasuk lipatan paha dan gatal jock.

Bagaimana Dermoplex Antifungal Cream berfungsi

Dermoplex Antifungal Cream mengandungi bahan aktif *Tolnaftate*.

Tolnaftate mempunyai aktiviti spektrum yang luas untuk merawat kulit jangkitan kulat.

Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Dermoplex Antifungal Cream

- *Bila tidak boleh menggunakan*
Jangan gunakan ubat ini jika anda mempunyai alahan kepada:

- *Tolnaftate*
- mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan di akhir risalah ini

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada

bungkusan atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda kerosakkan. Jika telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan. Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula menggunakan ubat ini, berbincang dengan doktor anda.

- *Sebelum menggunakan Dermoplex Antifungal Cream*

Beritahu doktor anda jika mempunyai alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

- *Jika mengambil ubat-ubatan lain*
Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Dermoplex Antifungal Cream boleh mengganggu satu sama lain.

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil produk ini dengan ubat-ubatan lain.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan untuk berhati-hati dengan atau dielakkan semasa menggunakan Dermoplex Antifungal Cream.

Cara menggunakan Dermoplex Antifungal Cream

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*
Sapukan secara lembut di bahagian kulit yang dijangkiti 2-3 kali setiap hari, dan guna secara berterusan

selama 14 hari selepas tanda jangkitan hilang.

Jika tanda jangkitan belum hilang, beritahu doktor anda.

- *Bila perlu digunakan*

Guna Dermoplex Antifungal Cream seperti yang diarahkan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat ini, anda boleh menggunakannya sebaik sahaja anda ingat.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Apabila digunakan seperti yang disyorkan, penggunaan secara berlebihan dengan Dermoplex Antifungal Cream jarang berlaku.

Semasa menggunakan Dermoplex Antifungal Cream

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Sentiasa mengikut arahan yang telah doktor anda berikan.

Beritahu kepada doktor anda jika anda sedang hamil atau sedang menyusukan badan.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan gunakan Dermoplex Antifungal Cream untuk merawat penyakit lain melainkan doktor anda mengarahkan.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mengalami keadaan yang serupa.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Dermoplex Antifungal Cream adalah untuk kegunaan di bahagian luaran sahaja.

Elakkan terkena pada mata.

Kesan- kesan Sampingan

Setiap ubat-ubatan mempunyai kesan-kesan sampingan. Kadangkala ia adalah serius, tapi kebanyakannya tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan jika anda ada mengalami beberapa kesan sampingan.

Jangan berasa risau dengan senarai kesan sampingan. Anda mungkin tidak akan mengalami apa-apa kesan sampingan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika ada sebarang soalan.

Bukan semua orang akan mengalami kesan sampingan, tapi segelintir mungkin akan mengalami

- Alahan pada kulit – gatal dan pruritus
- *Contact dermatitis* (kesan kemerahan dan bengkak pada kulit)

Jika ada daripada kesan-kesan sampingan itu menjadi teruk, atau anda ada mengalami kesan selain daripada senarai, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Orang Awam → Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Dermoplex Antifungal Cream

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya. Jika anda mengeluarkan ubat dari pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering dan suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Dermoplex Antifungal Cream atau ubat lain di dalam bilik mandi atau berhampiran sinki. Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak

tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Dermoplex Antifungal Cream atau jika ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
 - *Tolnaftate*
- Bahan-bahan tidak aktif
 - *Methyl Paraben*
 - *Propyl Paraben*
 - *Emulsifying Wax*
 - *White soft paraffin*
 - *Liquid paraffin*

Pengilang

Jardin Manufacturing Sdn. Bhd.
Lot 1, 2, 3 & 4, Kawasan Industri Batu 7,
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

- Nombor MAL

MAL19962166XC

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.
Lot No. 2 & 4,
Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia.

- Nombor MAL

MALXXXXXXXXX

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi)
Sdn. Bhd.
Lot No. 2,4,6,8 & 10,
Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini

13/05/2026

Nombor siri:

NPRA(R2/2)251007/01557